

Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah *al-Baqarah* (2: 75-82). Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Siri 14. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-82-9.

Abstract

Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat Surah al-Baqarah (2: 75-82), Siri 14 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Allah SWT membongkar kejahatan agamawan Yahudi yang mengubah kitab Taurat untuk mendapat sedikit keuntungan dunia. Kejahatan mereka ini menyebabkan kemurkaan Allah SWT kepada mereka dan mereka dan umat mereka yang enggan beriman kepada Nabi Muhammad SAW dijanjikan dengan pembalasan neraka al-Wayl yang bersifat kekal abadi. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 75-82) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat pengajaran penting daripada perbincangan tafsiran ayat, iaitu sifat golongan Yahudi terhadap ajaran Taurat, Islam yang Dibawa oleh Nabi Muhammad SAW yang ummi, Neraka al-Wayl daripada segi definisi dan cirinya, dan peribadi Muslim terhadap kitab sebelum al-Quran.

References

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi*

- *Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 17 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Jld. 14. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Jld. 13. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 14
Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat
Surah al-Baqarah (2: 75-82)**

Kamarul Azmi Jasmi

**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 14
Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat
Surah *al-Baqarah* (2: 75-82)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama Disember 2019

©KAMARUL AZMI JASMI 2019

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

BANI ISRAIL DAN PENGUBAHAN KITAB TAURAT : SURAH *AL-BAQARAH*
(2:75-82) / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN ; SIRI 14)

ISBN 978-967-2171-82-9

1. Qur'an. Surat *al-Baqarah*-Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an-Translating.
4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI

Fakulti Tamadun Islam

UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,

81310 UTM Johor Bahru,

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

Prakata	v
Pengenalan	1
Tafsiran Ayat	4
<i>Al-Baqarah</i> (2: 75-77)	4
<i>Al-Baqarah</i> (2: 78-79)	15
<i>Al-Baqarah</i> (2: 80)	26
<i>Al-Baqarah</i> (2: 81-82)	32
Pengajaran Ayat	37
Sifat Golongan Yahudi Terhadap Ajaran Taurat	37
Islam Dibawa oleh Nabi yang Ummi	40
Neraka al-Wayl, Definisi dan Cirinya	41
Peribadi Muslim Terhadap Kitab Sebelum al-Quran	41
Rumusan	43
Rujukan	44
Indeks	46
Biodata	47

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulallah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya diperlukan
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian

tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) serta disertakan nombor hadis dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
2018

PENGENALAN

Setelah Allah SWT menjelaskan situasi kaum Bani Israil yang hati mereka seperti batu dan ada pula yang lebih keras daripada batu kerana mengingkari kebenaran dan mukjizat yang ditunjukkan oleh Allah SWT dalam peristiwa penyembelihan lembu (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019b, 2021b), Allah SWT meneruskan perbincangan tentang sikap kaum ini terhadap kitab yang diturunkan kepada mereka pula (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019a, 2021a). Firman Allah SWT:

أَفَظَمْعُونَ أَنْ يُؤْمِنُوا لَكُمْ وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ
يَسْمَعُونَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُ مِنْ بَعْدِ مَا عَقَلُوهُ وَهُمْ
يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾ وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَالُوا ءَامَنَّا وَإِذَا
خَلَا بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ قَالُوا أَتُحَدِّثُونَهُمْ بِمَا فَتَحَ اللَّهُ
عَلَيْكُمْ لِيُحَاجُّوكُمْ بِهِ عِنْدَ رَبِّكُمْ ؕ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٧٦﴾
أُولَٰئِكَ يَعْلَمُونَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسْرُونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٧﴾
وَمِنْهُمْ أُمِّيُونَ لَا يَعْلَمُونَ الْكِتَابَ إِلَّا أَمَانِي وَإِنَّهُمْ إِلَّا
يُظُنُّونَ ﴿٧٨﴾ فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ

يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَوَيْلٌ
 لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ ﴿٧٩﴾
 وَقَالُوا لَنْ تَمَسَّنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا مَعْدُودَةً قُلْ
 أَتَّخَذْتُمْ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدًا فَلَنْ يُخْلِفَ اللَّهُ عَهْدَهُ وَأَمْ
 تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٠﴾ بَلَىٰ مَنْ كَسَبَ سَيِّئَةً
 وَأَحَاطَتْ بِهِ خَطِيئَتُهُ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ
 فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٨١﴾ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
 أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٨٢﴾

Maksud: (Sesudah kamu - wahai Muhammad dan pengikutmu - mengetahui tentang kerasnya hati orang Yahudi itu) maka bolehkah kamu menaruh harapan bahawa mereka akan beriman kepada seruan Islam yang kamu sampaikan itu, padahal sesungguhnya ada satu puak dari mereka yang mendengar Kalam Allah (Taurat), kemudian mereka mengubah dan memutarakan maksudnya sesudah mereka memahaminya, sedang mereka mengetahui (bahawa perbuatan itu salah)? (75) Dan apabila mereka (orang Yahudi pada zaman Rasulullah) bertemu dengan orang yang beriman, mereka berkata, "Kami beriman", dan apabila mereka berjumpa sesama sendiri, mereka berkata, "Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang Islam) dengan apa yang diterangkan oleh Allah kepada kamu (dalam Kitab Taurat mengenai kebenaran Nabi Muhammad SAW) untuk menjadikannya hujah (bukti) yang dapat mengalahkan kamu di sisi Tuhan kamu? Tidakkah kamu berakal?" (76) (Mereka berani berkata demikian) dan tidakkah

mereka ketahui bahawasanya Allah mengetahui apa yang mereka rahsiakan dan apa yang mereka lahirkan? (77) Dan antara mereka pula ada orang yang buta huruf, mereka tidak mengetahui akan isi Kitab Taurat selain dari penerangan bohong (dari ketua mereka), dan mereka hanyalah berpegang kepada sangkaan sahaja. (78) Kecelakaan besar bagi orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan mereka), kemudian mereka berkata, "Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu. (79) Dan mereka berkata, "Kami tidak sekali-kali akan disentuh oleh api neraka kecuali beberapa hari yang tertentu." Katakanlah (wahai Muhammad), "Adakah kamu sudah mendapat janji dari Allah supaya (dengan itu) Allah tidak akan menyalahi janjiNya, atau hanya kamu mengatakan atas nama Allah sesuatu yang tidak kamu mengetahuinya?" (80) (Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar), sesungguhnya sesiapa yang berbuat kejahatan dan ia diliputi (ditenggelamkan) oleh kesalahannya itu, maka merekalah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. (81) Dan orang yang beriman serta beramal soleh, merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya. (82)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 75-82)

Pada kali ini, tafsiran dibahagikan kepada empat kelompok, iaitu kelompok pertama surah *al-Baqarah* (2: 75-77), kelompok kedua surah *al-Baqarah* (2: 78-79), kelompok ketiga surah *al-Baqarah* (2: 80), dan akhir sekali kelompok keempat surah *al-Baqarah* (2: 81-82). Pada bahagian akhir daripada perbincangan tafsiran akan dikupas pengajaran yang boleh diambil daripada penafsiran yang dibincangkan.

TAFSIRAN AYAT

Empat bahagian tafsiran ayat yang terdiri daripada *al-Baqarah* (2: 75-77), *al-Baqarah* (2: 78-79), *al-Baqarah* (2: 80), dan *al-Baqarah* (2: 81-82).

AL-BAQARAH (2: 75-77)

Allah SWT memulakan perbincangan dalam ayat ini tentang sikap orang Yahudi yang bersifat keras hati, maka sudah tentu mereka tidak akan tunduk beriman kepada Nabi Muhammad SAW sedangkan kitab mereka sendiripun, iaitu taurat mereka enggan mengikuti sekalipun mereka mengetahui kebenarannya. Allah SWT menegaskan dalam firman-Nya:

أَفْطَمَعُونَ أَنْ يُؤْمِنُوا لَكُمْ وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ
يَسْمَعُونَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُ مِنْ بَعْدِ مَا عَقَلُوهُ وَهُمْ
يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾ وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَالُوا ءَامَنَّا وَإِذَا
خَلَا بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ قَالُوا أَتُحَدِّثُونَهُمْ بِمَا فَتَحَ اللَّهُ
عَلَيْكُمْ لِيُحَاجَّوْكُمْ بِهِ ۗ عِنْدَ رَبِّكُمْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٧٦﴾
أَوَلَا يَعْلَمُونَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسْرُونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٧﴾

Maksud: (Sesudah kamu - wahai Muhammad dan pengikutmu - mengetahui tentang kerasnya hati orang Yahudi itu) maka bolehkah kamu menaruh harapan bahawa mereka akan beriman kepada seruan Islam yang kamu sampaikan itu, padahal sesungguhnya ada satu puak dari mereka yang mendengar Kalam Allah (Taurat), kemudian mereka mengubah dan memutarakan maksudnya sesudah mereka memahaminya, sedang mereka mengetahui (bahawa perbuatan itu salah)? (75) Dan apabila mereka (orang Yahudi pada zaman Rasulullah) bertemu dengan orang yang beriman, mereka berkata, "Kami beriman"; dan apabila mereka berjumpa sesama sendiri, mereka berkata, "Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang Islam) dengan apa yang diterangkan oleh Allah kepada kamu (dalam Kitab Taurat mengenai kebenaran Nabi Muhammad) untuk menjadikannya hujah (bukti) yang dapat mengalahkannya di sisi Tuhan kamu? Tidakkah kamu berakal?" (76) (Mereka berani berkata demikian) dan tidakkah mereka ketahui bahawasanya Allah mengetahui apa yang mereka rahsiakan dan apa yang mereka lahirkan? (77)

(Surah al-Baqarah, 2: 75-77)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/307) menjelaskan bahawa firman Allah SWT *afatatmauna* (أَفَأَتْمُنُون) bererti, "Apakah kamu masih mengharapkan, hai orang Mukmin. An yu-minu lakum (أَنْ يُؤْمِنُوا لَكُمْ), iaitu golongan yang sesat dalam kalangan orang Yahudi itu mahu tunduk dengan taat kepada kamu. Sedangkan nenek moyang mereka yang menyaksikan berbagai mukjizat yang jelas dengan mata kepala mereka sendiri masih tidak mahu tunduk dan taat. Sememangnya hati mereka menjadi sudah menjadi keras."

Padahal segolongan dari mereka mendengar firman Allah, lalu mereka mengubahnya, iaitu menakwilkannya bukan dengan takwil yang sebenarnya. Hal itu mereka lakukan sesudah mereka memahaminya dengan pemahaman yang jelas. Namun, mereka menyimpang dengan pengetahuan mereka yang mereka miliki dalam keadaan sedar. Mereka juga menyedari bahawa perubahan dan takwil keliru yang mereka lakukan

itu benar-benar salah. Hal ini sama dengan pengertian yang terkandung dalam firman Allah SWT:

فِيمَا تَقْضِيهِمْ مِّيثَاقَهُمْ لَعْنَهُمْ وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ
 قَلْسِيَةً يَحْرِفُونَ ^ط الْكَلِمَ عَنِ مَوَاضِعِهِ

Maksud: Maka dengan sebab mereka mencabuli perjanjian setia mereka, Kami laknatkan mereka, dan Kami jadikan hati mereka keras membatu (tidak mahu menerima kebenaran). Mereka sentiasa mengubah kalimah (yang ada dalam kitab Taurat dengan memutarnya) dari tempatnya (dan maksudnya) yang sebenar.

(Surah al-Ma'idah, 5: 13)

Ibn 'Abbas yang menyatakan bahawa sesudah itu Allah SWT berfirman kepada Nabi-Nya beserta orang yang mengikutinya dalam kalangan kaum Mukmin dengan memutuskan harapan dan kehendak mereka terhadap orang Yahudi itu, "(Sesudah kamu - wahai Muhammad dan pengikutmu mengetahui tentang kerasnya hati orang Yahudi itu) maka bolehkah kamu menaruh harapan bahawa mereka akan beriman kepada seruan Islam yang kamu sampaikan itu, padahal sesungguhnya ada satu puak dari mereka yang mendengar Kalam Allah (Taurat). (Surah al-Baqarah, 2: 75)

Makna yang dimaksud dari firman-Nya, "Yasma'una" (يَسْمَعُونَ) adalah mendengar kitab Taurat, kerana kitab Taurat mereka dengar semua, tetapi mereka adalah orang yang meminta kepada Nabi Musa AS untuk dapat melihat Tuhan mereka dengan jelas, lalu mereka disambar oleh halilintar di tempat tersebut.

Muhammad bin Ishaq menyatakan, iaitu melalui nukilan perkataan yang dinukilnya dari sebahagian kalangan ahli ilmu bahawa sebahagian daripada kaum Bani Israil berkata kepada Musa, "Hai Musa,

sesungguhnya dihalangi antara kami dan Tuhan kami hingga kami tidak dapat melihat-Nya, maka perdengarkanlah kepada kami Kalam-Nya pada ketika Dia berbicara kepadamu.” Maka Nabi Musa AS memohon hal tersebut kepada Tuhannya, dan Allah SWT berfirman kepadanya, “Ya, perintahkanlah kepada mereka agar bersuci dan mencuci pakaiannya serta berpuasa.” Lalu mereka melaksanakan perintah tersebut.

Kemudian Nabi Musa membawa mereka keluar hingga sampai di Bukit Tur. Ketika mereka tertutupi oleh awan, Musa memerintahkan kepada mereka untuk sujud, lalu mereka semua tunduk bersujud, dan Allah SWT berbicara kepada Nabi Musa AS, sedangkan mereka mendengar firman-Nya yang mengandung amar makruf dan nahi mungkar kepada mereka, hingga mereka memahami apa yang mereka dengar dari-Nya. Sesudah itu Nabi Musa AS kembali bersama mereka menuju kepada kaum Bani Israil. Ketika mereka datang kepada kaumnya, ada sebahagian dalam kalangan mereka mengubah apa yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada mereka. Mereka berkata kepada kaum Bani Israil pada ketika Musa berkata kepada mereka, *“Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kamu untuk mengerjakan begini dan begini.”*

Selanjutnya, Ibn ‘Abbas menyatakan bahawa golongan tersebutlah yang disebut oleh Allah SWT dalam ayat ini (Surah *al-Baqarah*, 2: 75). Sesungguhnya mereka menyatakan, *“Allah memerintahkan kepada kamu untuk mengerjakan begini dan begini”* tidak lain hanyalah bertujuan untuk menentang apa yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada mereka, iaitu mereka mengubahnya dari perintah yang sebenar. Golongan inilah yang dimaksudkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya dalam ayat ini. al-Suddi sendiri menyatakan bahawa firman-Nya, *“Padahal sesungguhnya ada satu puak dari mereka yang mendengar Kalam Allah (Taurat), kemudian mereka mengubah dan memutarakan maksudnya.”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 75). Kenyataan ayat ini merujuk kepada perkara yang mereka ubah ialah kitab Taurat.

Apa yang disebut oleh al-Suddi ini lebih umum pengertiannya daripada yang dikatakan oleh Ibn ‘Abbas dan ibn Ishaq, sekalipun pendapat ini dipilih oleh ibn Jarir kerana berpegang kepada konteks

ayat. Hal ini demikian kerana sesungguhnya bukan merupakan suatu kepastian bila mereka mendengar kalam Allah SWT secara langsung mempunyai pemahaman yang sama dengan apa yang didengar oleh Nabi Musa bin Imran AS yang diajak bicara langsung oleh Allah SWT Sedangkan dalam ayat lain Allah SWT berfirman:

وَأِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ
كَلِمَةَ اللَّهِ

Maksud: *Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu).*

(Surah *al-Tawbah*, 9: 6)

Ayat ini, iaitu agar Nabi SAW memberikan tempoh waktu dan kesempatan untuk menyampaikan firman Allah SWT kepadanya. Oleh kerana itu, Qatadah menyatakan sehubungan dengan makna firman-Nya, “Kemudian mereka mengubah dan memutarakan maksudnya.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 75) Yang dimaksud dalam ayat ini ialah orang Yahudi yang pernah mendengar firman Allah SWT, lalu mereka mengubahnya sesudah mereka memahami dan menghafalnya. Namun bagi Imam Mujahid pula mengatakan bahawa orang yang mengubah firman Allah SWT dan yang menyembunyikannya adalah para ulama dalam kalangan mereka. Bagi Imam Abu al-‘Aliyah pula, mereka sengaja mengubah sifat Nabi Muhammad SAW yang ada dalam kitab mereka dari tempatnya. Al-Suddi menyatakan sehubungan dengan firman-Nya, “*Wahum ya‘lamuna (وَهُمْ يَعْلَمُونَ)*”, iaitu bererti “*sedangkan mereka mengetahui*”, iaitu mereka berdosa.

Ibnu Wahb menyatakan bahawa firman Allah SWT, “*padahal sesungguhnya ada satu puak dari mereka yang mendengar Kalam Allah (Taurat), kemudian mereka mengubah dan memutarakan maksudnya.*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 75) Menurut Ibn Zaid, yang dimaksud dengan kalam Allah SWT ialah kitab Taurat yang diturunkan kepada mereka, lalu mereka mengubahnya. Mereka menjadikan hal yang halal dalamnya menjadi haram, dan yang haram mereka jadikan halal; lalu mereka mengubah perkara yang hak menjadi perkara yang batil, dan yang batil menjadi hak. Apabila datang kepada mereka orang yang berada dalam pihak yang benar disertai dengan duit suapan, barulah mereka mengeluarkan Kitab Allah (Taurat). Jika datang kepada mereka orang yang berada dalam pihak yang batil dengan membawa duit suapan, mereka mengeluarkan kitab yang mereka ubah itu sehingga dia berada dalam pihak yang benar. Apabila datang kepada mereka seseorang yang menanyakan sesuatu masalah kepada mereka tanpa ada kaitannya dengan perkara yang hak, tanpa duit suapan, dan tanpa lainnya, mereka memerintahkan perkara yang hak (sebenarnya) kepada orang itu. Oleh kerana itulah, maka Allah SWT berfirman kepada mereka:

أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ تَتْلُونَ
الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

Maksud: *Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal? (44).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 44)

Seterusnya Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/308) menyambung perbincangan dalam firman Allah SWT:

وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَالُوا ءَامَنَّا

Maksud: *Dan apabila mereka (orang Yahudi pada zaman Rasulullah) bertemu dengan orang yang beriman, mereka berkata, "Kami beriman."*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 76)

Menurut Ibn Kathir ayat ini menurut Ibn ‘Abbas adalah berhubung ayat, “bahawa apabila mereka bersua dengan orang yang beriman, mereka berkata, “Kami pun beriman bahawa sahabat kamu itu adalah utusan Allah, tetapi khusus bagi kamu.” Jika sebahagian dari mereka berada bersama sebahagian yang lain, mereka menyatakan, “Janganlah kamu bicarakan rahsia ini kepada orang Arab, kerana sesungguhnya sejak dulu kamu menunggu-nunggu kedatangannya untuk meminta pertolongannya dalam menghadapi mereka (orang Arab), tetapi ternyata Rasulullah SAW muncul dalam kalangan orang Arab itu sendiri.” Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya, “*Dan apabila mereka (orang Yahudi pada zaman Rasulullah) bertemu dengan orang yang beriman, mereka berkata, "Kami beriman"; dan apabila mereka berjumpa sesama sendiri, mereka berkata, "Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang Islam) dengan apa yang diterangkan oleh Allah kepada kamu (dalam Kitab Taurat mengenai kebenaran Nabi Muhammad) untuk menjadikannya hujah (bukti) yang dapat mengalahkan kamu di sisi Tuhan kamu?"*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 76) Ertinya, kamu mengakui dia, iaitu Nabi Muhammad adalah seorang nabi, padahal kamu berjanji kepada Allah SWT bahawa kamu akan mengikutinya, dan Dia memberitahkan kepada mereka, iaitu orang Arab bahawa dia adalah nabi yang sedang kaum Yahudi menunggu kedatangannya dan yang mereka jumpai sebutannya dalam kitab mereka. Hal ini demikian kerana itu, ingkarilah dia dan jangan sekali-kali kamu mengakuinya. Kata-kata kaum Yahudi ini direspon oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

أَوَلَا يَعْلَمُونَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٧﴾

Maksud: (Mereka berani berkata demikian) dan tidakkah mereka ketahui bahawasanya Allah mengetahui apa yang mereka rahsiakan dan apa yang mereka lahirkan? (77)

(Surah al-Baqarah, 2: 77)

Terdapat juga pendapat daripada Ibn ‘Abas yang meriwayatkan bahawa yang dimaksud oleh ayat ini ialah orang munafik dalam kalangan orang Yahudi. Apabila bersua dengan sahabat Nabi Muhammad SAW, mereka menyatakan, “Kami pun beriman kepadanya.” Menurut al-Suddi, mereka adalah segolongan orang dalam kalangan orang Yahudi, iaitu mereka beriman, kemudian menjadi orang munafik. Hal yang sama dikatakan pula oleh al-Rabi’ bin Anas dan Qatadah, serta oleh bukan hanya seorang dalam kalangan ulama Salaf dan ulama Khalaf. Sehubungan dengan hal ini satu hadis ada menjelaskan (Ibn Jarir, 2001: 1349):

قَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ فِيمَا رَوَاهُ ابْنُ وَهْبٍ عَنْهُ:
كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ قَدْ قَالَ: "لَا يَدْخُلَنَّ عَلَيْنَا قَصَبَةَ الْمَدِينَةِ
إِلَّا مُؤْمِنٌ" فَقَالَ رُؤَسَاؤُهُمْ مِنْ أَهْلِ الْكُفْرِ وَالنَّفَاقِ:
"أَذْهَبُوا فَقُولُوا آمَنَّا، وَاكْفُرُوا إِذَا رَجَعْتُمْ." قَالَ: فَكَانُوا
يَأْتُونَ الْمَدِينَةَ بِالْبَكْرِ وَيَرْجِعُونَ إِلَيْهِمْ بَعْدَ الْعَصْرِ.

Maksud: Abdur Rahman bin Zayd bin Aslam menurut apa yang diriwayatkan oleh Ibn Wahb katanya, “Adalah Rasulullah SAW pernah bersabda, “Jangan sekali-kali ada orang yang masuk kepada

kami di kota Madinah kecuali hanya orang Mukmin. Para pemimpin orang Yahudi dalam kalangan orang kafir dan munafik menyatakan, “Berangkatlah kamu dan katakanlah bahawa kami pun beriman, tetapi kufurlah kamu bila kamu kembali lagi kepada kami.” Mereka berdatangan ke Madinah pada pagi hari, dan kembali kepada kaumnya sesudah asar.

(Ibn Jarir)

Lalu perawi membacakan firman-Nya:

وَقَالَتْ طَّائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ ءَأَمِنُوا بِالَّذِي أُنزِلَ عَلَى
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَجَهَ النَّهَارِ وَكَفَرُوا ۗ ءَاخِرُهُ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

Maksud: Segolongan (lain) dari ahli kitab berkata (kepada sesamanya), “Perlihatkanlah (seolah-olah) kamu beriman kepada apa yang diturunkan kepada orang beriman (sahabat Rasul) pada permulaan siang, dan ingkarilah ia pada akhirnya supaya mereka (orang Mukmin) kembali (kepada kekafiran).”

(Surah Ali ‘Imran, 3: 72)

Mereka itu apabila memasuki kota Madinah menyatakan, “Kami pun orang Muslim” dengan tujuan untuk memperoleh informasi tentang berita dan perkara Rasulullah SAW Apabila mereka berkumpul semula dengan sesama mereka, mereka kembali menjadi kafir. Sesudah Allah SWT memberitahukan kepada Nabi-Nya perihal orang munafik, maka Nabi menutup jalan mereka sehingga mereka tidak dapat menyusup masuk ke dalam masyarakat dalam kalangan kaum Muslim. Sebelum itu, orang Mukmin menduga bahawa orang munafik itu beriman, lalu mereka berkata kepada sesamanya, “Bukankah Allah SWT berfirman

begini dan begini kepada kamu?” Lalu sebahagian yang lainnya menjawab, “Memang benar.” Apabila mereka kembali kepada kaumnya, (iaitu para pemimpin mereka), para pemimpin mereka bertanya, seperti yang dipetik oleh firman-Nya, *“Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang Islam) dengan apa yang diterangkan oleh Allah kepada kamu (dalam Kitab Taurat mengenai kebenaran Nabi Muhammad)”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 76).

Abu al-‘Aliyah berkata sehubungan dengan firman-Nya, *“Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang Islam) dengan apa yang diterangkan oleh Allah kepada kamu (dalam Kitab Taurat mengenai kebenaran Nabi Muhammad),”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 76) iaitu tentang apa yang diturunkan kepada kamu, iaitu kitab kamu yang dalamnya disebutkan ciri Nabi Muhammad SAW.

Sayyidina Qatadah pula berkata berhubungan dengan firman-Nya ini, bahawa mereka (orang Yahudi) selalu menyatakan, “Kelak akan muncul seorang nabi.” Lalu sebahagian dari mereka berkumpul dengan sebahagian yang lain dan berkata, *“Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang Islam) dengan apa yang diterangkan oleh Allah kepada kamu (dalam Kitab Taurat mengenai kebenaran Nabi Muhammad), untuk menjadikannya hujah (bukti) yang dapat mengalahkannya di sisi Tuhan kamu?”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 76)

Makna lafaz *al-fath* yang terdapat dalam ayat (يَمَا فَتَحَ اللَّهُ) menurut pendapat lain juga ada disebutkan oleh Imam Mujahid, iaitu berhubungan dengan makna firman-Nya, *“Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang Islam) dengan apa yang diterangkan oleh Allah kepada kamu (dalam Kitab Taurat mengenai kebenaran Nabi Muhammad)”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 76) bahawa Nabi SAW dalam Perang Khaibar di bawah benteng pertahanan orang Yahudi pernah menyatakan, *“Hai saudara kera dan babi, hai para penyembah taghut (berhala)!”* Orang Yahudi menjawab, “Tiada lain orang yang memberitahukan ini melainkan Muhammad, tiadalah ucapan berikut kecuali keluar dari kamu.” Yang mereka maksudkan adalah firman Allah SWT, *“Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang Islam) dengan apa yang diterangkan oleh Allah kepada kamu (dalam Kitab Taurat mengenai kebenaran Nabi Muhammad),”*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 76) iaitu apa yang diputuskan Allah SWT untuk memperoleh kemenangan, yang pada akhirnya hal tersebut akan dijadikan sebagai hujah oleh orang Arab untuk menentang kaum Yahudi itu sendiri. Imam Mujahid menambah bahawa hal ini terjadi ketika Nabi SAW mengutus sahabat Ali kepada orang Yahudi, lalu mereka cuba menyakiti Nabi Muhammad SAW.

Al-Suddi menyatakan sehubungan dengan firman-Nya, *“Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang Islam) dengan apa yang diterangkan oleh Allah kepada kamu,”* iaitu mengenai siksaan. untuk menjadikannya hujah (bukti) yang dapat mengalahkannya di sisi Tuhan kamu? (Surah *al-Baqarah*, 2: 76). Mereka yang berbuat demikian adalah segolongan orang Yahudi yang beriman, kemudian menjadi munafik. Mereka selalu berbicara kepada orang Mukmin dalam kalangan orang Arab tentang siksaan yang mereka alami. Maka sebahagian dari golongan orang Yahudi itu menyatakan kepada sebahagian yang lainnya, seperti yang disebutkan oleh firman-Nya, *“Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang Islam) dengan apa yang diterangkan oleh Allah kepada kamu,”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 76) berupa siksaan (yang pernah kamu alami) yang akibatnya mereka menyatakan kepada kamu, “Kami lebih dicintai oleh Allah SWT daripada kamu, dan kami lebih dimuliakan oleh Allah SWT daripada kamu.”

‘Ata’ al-Khurrasani menyatakan sehubungan dengan firman-Nya, *“Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang Islam) dengan apa yang diterangkan oleh Allah kepada kamu,”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 76) iaitu apa yang ditakdirkan bagi kamu berupa nikmat dan siksaan. Sedangkan al-Hasan al-Basri menyatakan, orang Yahudi itu apabila bersua dengan orang yang beriman, mereka menyatakan, *“Kami pun beriman.”* Tetapi apabila mereka kembali berada antara sesama mereka, maka sebahagian dari mereka berkata kepada sebahagian yang lain, *“Janganlah kamu ceritakan kepada teman Muhammad apa yang diterangkan Allah SWT kepada kamu dalam kitab kamu, yang pada akhirnya hal tersebut dijadikan hujah oleh mereka untuk menghadapi dan menentang kamu.”* Sedangkan firman Allah SWT:

أَوَلَا يَعْلَمُونَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٧﴾

Maksud: (Mereka berani berkata demikian) dan tidakkah mereka ketahui bahawasanya Allah mengetahui apa yang mereka rahsiakan dan apa yang mereka lahirkan? (77)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 77)

Menurut Abu al-‘Aliyah dan Sayyidina Qatadah, makna yang dimaksud ialah segala yang mereka sembunyikan berupa kekufuran terhadap Nabi Muhammad SAW dan kedustaan mereka kepadanya, padahal mereka menemukan cirinya tercatat dalam kitab yang ada pada mereka. Bagi al-Hasan pula ayat menjelaskan tentang apa yang mereka sembunyikan itu ialah bilamana mereka meninggalkan sahabat Muhammad SAW, iaitu ketika berada antara sesama mereka, maka sebahagian dari mereka berkata kepada sebahagian yang lain yang kesimpulannya mereka saling melarang antara sesamanya untuk menceritakan kepada seseorang dari sahabat Nabi SAW tentang hal yang disebut dalam kitab mereka. Demikian itu kerana mereka merasa khawatir bila hal tersebut akan dijadikan hujah oleh sahabat Nabi SAW terhadap diri mereka di hadapan Tuhan mereka, iaitu senjata makan tuan. Oleh sebab itu, perkataan *wama yu‘lunun* (وَمَا يُعْلِنُونَ), dan segala yang mereka lahirkan, iaitu ucapan mereka kepada sahabat Nabi SAW yang menyatakan, “Kami pun beriman.”

AL-BAQARAH (2: 78-79)

Allah SWT menjelaskan keadaan ketua dan pengikut agama Yahudi. Ketua agama mereka yang mengubah kitab taurat sedangkan pengikut mereka yang jahil percaya dengan sepenuh hati pembohongan yang dilakukan oleh ketua mereka itu. Semua itu dilakukan bagi mendapatkan sedikit keuntungan dunia mereka sehingga Allah SWT melaknak ketua

agama yang jahat ini dengan kecelakaan yang besar kerana terlaku banyak merosakkan agama yang dibawa oleh Nabi Musa AS. Firman-Nya:

وَمِنْهُمْ أُمِّيُونَ لَا يَعْلَمُونَ الْكِتَابَ إِلَّا أَمَانِي وَإِنْ هُمْ إِلَّا
 يَظُنُّونَ ﴿٧٨﴾ فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ
 يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَوَيْلٌ
 لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ ﴿٧٩﴾

Maksud: Dan antara mereka pula ada orang yang buta huruf, mereka tidak mengetahui akan isi Kitab Taurat selain dari penerangan bohong (dari ketua mereka), dan mereka hanyalah berpegang kepada sangkaan sahaja. (78) Kecelakaan besar bagi orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan mereka), kemudian mereka berkata, “Ini ialah dari sisi Allah,” supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu. (79)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 78-79)

Menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/310), Imam Mujahid berkata, *Waminhum ummiyyun* (وَمِنْهُمْ أُمِّيُونَ), bereti ‘antara ahli kitab itu ada yang buta huruf.’ Perkataan *al-ummiyyun* menurut Abu al-‘Aliyah, al-Rabi’, Qatadah, Ibrahim An-Nakha’i, serta banyak ulama lainnya adalah dalam bentuk jamak dari lafaz *ummiy* (أُمِّيٌّ) yang ertinya orang yang buta huruf. Makna ini jelas terdapat dalam firman-Nya, “*La ya’lamun al-kitab* (لَا يَعْلَمُونَ الْكِتَابَ),” iaitu mereka tidak mengetahui apa yang terkandung dalam kitab Taurat.

Perkataan ummiyy ini mempunyai hubungan maksud dengan pengertian lafaz yang disebutkan oleh Allah SWT tentang sifat Nabi SAW bahawa beliau adalah seorang yang *ummiy*. Dikatakan demikian kerana beliau adalah orang yang tidak dapat menulis (iaitu buta huruf), seperti yang disebutkan oleh ayat lainnya, iaitu firman-Nya:

وَمَا كُنْتَ تَتْلُو مِنْ قَبْلِهِ مِنْ كِتَابٍ وَلَا تَخُطُّهُ
بِيَمِينِكَ إِذًا لِأَنْتَ بِالْمَبْطُلُونَ ﴿٤٨﴾

Maksud: *Dan engkau (wahai Muhammad) tidak pernah tahu membaca sesebuah kitab pun sebelum turunnya al-Quran ini, dan tidak pula tahu menulisnya dengan tangan kananmu; (kalaulah engkau dahulu pandai membaca dan menulis) tentulah ada alasan bagi orang kafir yang menentangmu akan merasa ragu-ragu (tentang kebenaranmu). (48).*

(Surah *al-Ankabut*, 29: 48)

Dalil al-Quran ini diperkukuhkan lagi dengan dalil daripada hadis (Al-Bukhari, 2001: 1913; Muslim, t.th.: 1080):

عَنِ ابْنِ عُمَرَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ، وَلَا نَحْسُبُ، الشَّهْرُ هَكَذَا وَهَكَذَا وَهَكَذَا»، وَخَنَسَ سُلَيْمَانُ أُصْبَعَهُ فِي الثَّالِثَةِ، يَعْنِي تِسْعًا وَعِشْرِينَ وَثَلَاثِينَ.

Maksud: *Ibn Umar RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya kami adalah umat yang ummi, kami tidak dapat menulis, dan kami*

tidak dapat menghitung; satu bulan itu adalah begini, begini, dan begini, (iaitu tiga puluh hari).

(Al-Bukhari dan Muslim)

Dengan kata lain dalam ibadah kami, kami tidak memerlukan tulisan dan hitungan untuk menentukan waktunya. Dan Allah SWT berfirman:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ

Maksud: *Dia lah yang mengutuskan dalam kalangan orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri.*

(Surah al-Jumu'ah, 62: 2)

Imam Ibn Jarir (2001: 2/153) menyatakan bahawa orang Arab menisbatkan orang yang tidak dapat menulis dan membaca kepada ibunya, kerana disamakan dengan keadaan ibunya yang tidak dapat menulis, tetapi bukan dinisbatkan kepada ayahnya. Namun, Ibn 'Abbas ada juga meriwayatkan tentang maksud yang ada hubungan dengan makna firman-Nya, "*Dan antara mereka ada yang buta huruf.*" (Surah *al-Baqarah*, 2: 78) Bahawa orang ummi adalah suatu kaum yang tidak percaya kepada rasul yang diutus oleh Allah SWT, tidak pula kepada kitab yang diturunkan oleh-Nya. Kemudian mereka menulis suatu kitab dengan tangan mereka sendiri, lalu mereka katakan kepada orang yang bodoh dalam kalangan mereka bahawa kitab tersebut dari sisi Allah SWT. Dalam hal ini Imam Ibn Jarir (2001: 2/153) memberikan komentarnya, diberitakan bahawa orang Yahudi tersebut menulis sebuah kitab dengan tangan mereka. Tetapi sesudah itu mereka disebut sebagai orang yang ummi kerana keingkaran mereka kepada kitab Allah SWT dan rasul-Nya. Kemudian ibn Jarir

menyatakan pula bahawa takwil ini merupakan takwil yang berbeza dengan apa yang dikenal dalam percakapan orang Arab dan bahasanya yang fasih dalam kalangan mereka. Hal ini kerana istilah *ummi* ertinya ditujukan kepada orang yang tidak dapat membaca dan menulis, iaitu buta huruf. Menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/310), kesahihan sanad riwayat ini, dari Ibn ‘Abbas, masih perlu dipertimbangkan.

Seterusnya firman Allah SWT, “*Illa amanīyy* (إلا أمانيء)” dibicarakan dalam kalangan ahli tafsir seperti berikut:

- (1) Ibn ‘Abbas: Omongan belaka atau sesuatu yang dibicarakan, tetapi tidak mempunyai makna. Pendapat lain daripada Ibn ‘Abbas ini hanya omongan yang keluar dari mulut mereka secara dusta.
- (2) Mujahid: Dusta.
- (3) Abu al-‘Aliyah, al-Rabi’, dan Sayyidina Qatadah: Angan-angan belaka yang mereka harapkan dari Allah, padahal mereka sama sekali tidak berhak untuk mendapatkannya.
- (4) Abdur Rahman bin Zaid bin Aslam: Mereka berangan-angan dan menyatakan, “Kami adalah ahli kitab,” padahal kenyataannya mereka bukan termasuk ahli kitab.

Oleh kerana itu Imam Mujahid dan al-Hasan al-Basri berkata tentang firman Allah SWT yang bermaksud, “*Dan antara mereka pula ada orang yang buta huruf, mereka tidak mengetahui akan isi Kitab Taurat selain dari penerangan bohong (dari ketua mereka).*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 78) Segolongan orang dalam kalangan orang Yahudi yang tidak mengetahui Kitab Taurat sama sekali dan mereka berbincang-bincang tentangnya hanya dengan pandangan mereka tanpa dasar dari Kitab Allah. Kemudian percakapan mereka itulah yang digambarkan seolah-oleh daripada rujukan al-Kitab. Padahal apa yang mereka katakan itu hanyalah omongan dusta belaka yang datang daripada persepsi yang diduga sahaja. Namun menurut Ibn Jarir (2001: 2/155), pendapat Ibn ‘Abbas yang lebih mirip dan paling tepat kepada kebenaran.

Mujahid menyatakan, sesungguhnya orang ummi itu ialah kaum yang disebutkan cirinya oleh Allah SWT bahawa mereka tidak sedikit pun memahami kitab yang diturunkan oleh-Nya kepada Nabi Musa AS, tetapi mereka membuat-buat kedustaan dan kebatilan serta kedustaan dan kepalsuan. Dengan demikian, bererti makna tamanni (التَّمَنِّي) dalam ayat ini ialah membuat-buat kedustaan dan kepalsuan. Termasuk dalam pengertian ini, ada sebuah riwayat yang menyatakan (Ibn Majah, 2009: 311):

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانٍ قَالَ: «مَا تَعَنَيْتُ، وَلَا تَمَنَيْتُ، وَلَا مَسِسْتُ ذِكْرِي بِيَمِينِي مُنْذُ بَايَعْتُ بِهَا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ.»

Maksud: *‘Usman bin Affan RA berkata, ‘Semenjak aku membaiah Rasulullah SAW dengan tanganku, aku tidak pernah menyanyi, tidak pernah berangan-angan dan tidak pernah memegang kemaluanku dengan tangan kananku.’*”

(Ibn Majah)

Bagi Ibn ‘Abbas, ayat yang bermaksud, *“Dan antara mereka pula ada orang yang buta huruf, mereka tidak mengetahui akan isi Kitab Taurat selain dari penerangan bohong (dari ketua mereka), dan mereka hanyalah berpegang kepada sangkaan sahaja”* (Surah al-Baqarah, 2: 78) adalah membawa erti bahawa mereka tidak mengetahui apa yang terkandung dalam Kitab Allah, iaitu Taurat dan mereka menemukan kenabianmu hanya dengan menduga-duga saja.

Akhir sekali, firman Allah SWT yang bermaksud, *“Dan mereka hanyalah berpegang kepada sangkaan sahaja”* bagi imam Mujahid membawa makna ‘mereka hanya berdusta belaka.’ Sedangkan bagi Sayyidina Qatadah, Abu al-‘Aliyah, dan al-Rabi‘, petikan ini membawa

maksud bahawa mereka menyangka terhadap Allah SWT dengan sangkaan yang tidak benar.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/311) menyambung perbincangan tafsirnya dalam firman Allah SWT berikut:

فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا
مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ^ط ثُمَّ قَلِيلًا

Maksud: *Kecelakaan besar bagi orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan mereka), kemudian mereka berkata, "Ini ialah dari sisi Allah," supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 79)

Menurut Imam Ibn Kathir bahawa mereka yang disebut dalam ayat ini adalah segolongan lain dalam kalangan orang Yahudi. Mereka adalah orang yang menyerukan kepada kesesatan dengan cara membuat pemalsuan dan membuat pendustaan kepada Allah SWT, serta memakan harta orang lain dengan cara yang batil.

Al-wayl (الْوَيْلُ) meneru Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/311) ertinya kebinasaan dan kehancuran, kalimat ini sudah dikenal dalam bahasa Arab. Tentang takwil perkataan ini dalam kalangan ahli tafsir pula adalah seperti berikut:

- (1) Abu Iyad menyatakan: Nanah yang berada di dasar neraka Jahannam."
- (2) Ata bin Yasar: Nama sebuah lembah dalam neraka Jahannam; seandainya sebuah gunung besar dilemparkan ke dalamnya, nescaya akan meleleh. Pandangan ini berdasarkan satu hadis menjelaskan (Al-Tirmidhi, 1998: 3164, 2576):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: " الْوَيْلُ
وَادٍ فِي جَهَنَّمَ يَهْوِي فِيهِ الْكَافِرُ أَرْبَعِينَ خَرِيفًا قَبْلَ أَنْ يَبْلُغَ
قَعْرَهُ. قَالَ: الصَّعُودُ جَبَلٌ مِنْ نَارٍ يَتَّصَعَدُ فِيهِ الْكَافِرُ سَبْعِينَ
خَرِيفًا وَيَهْوِي فِيهِ كَذَلِكَ مِنْهُ أَبَدًا.

Maksud: Abu Sa'id menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Wayl adalah lembah di dalam neraka jahanam yang mana orang kafir jatuh ke dalamnya selama empat puluh tahun belum sampai ke dasarnya. Sedangkan al-Sa'ud (dalam neraka al-Wayl) adalah gunung di dalam neraka yang seorang kafir memanjatnya selama tujuh puluh tahun kemudian ia akan jatuh kembali ke dasar, dan mereka akan seperti itu selama-lamanya."

(Al-Tirmidhi)

Juga berdaarkan hadis yang dikeluarkan oleh Imam Ibn Jarir (2001: 1386) Ibnu Jarir meriwayatkan athar daripada 'Usman bin Affan RA sebagaimana berikut:

عَنْ عُمَانَ بْنِ عَفَّانَ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ: (فَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا
كَتَبْتَ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ) قَالَ: "الْوَيْلُ جَبَلٌ
فِي النَّارِ. وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ فِي الْيَهُودِ؛ لِأَنَّهُمْ حَرَفُوا التَّوْرَةَ،
زَادُوا فِيهَا مَا أَحَبُّوا، وَمَحَّوْا مِنْهَا مَا يَكْرَهُونَ، وَمَحَّوْا اسْمَ
مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ التَّوْرَةِ. وَلِذَلِكَ غَضِبَ اللَّهُ

عَلَيْهِمْ، فَرَفَعَ بَعْضَ التَّوْرَةِ، فَقَالَ: (فَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ
أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ).

Maksud: 'Uthman bin 'Affan RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bercerita berhubung dengan makna firman Allah SWT yang bermaksud, "Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu." (Surah al-Baqarah, 2: 79). Rasulullah SAW bersabda, "Al-Wayl adalah nama sebuah bukit dalam neraka. Ayat ini diturunkan berkenaan dengan tingkah laku orang Yahudi, kerana mereka berani mengubah isi kitab Taurat dengan menambahkan ke dalamnya apa yang mereka suka dan menghapus apa yang tidak mereka suka, serta mereka menghapus dan menghilangkan nama Nabi Muhammad SAW dari kitab Taurat. Maka Allah SWT sangat murka kepada mereka. Hal ini disebabkan mereka yang menjadi penyebab kepada terhapusnya sebahagian daripada isi kitab Taurat. Untuk itu Allah SWT berfirman, "Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu." (Surah al-Baqarah, 2: 79)

(Ibn Jarir)

Hadis ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/312) dinilai sangat gharib dalam kalangan ulama tafsir.

- (3) Ibn 'Abbas RA: Penderitaan azab.
- (4) Al-Khalil bin Ahmad: Kejahatan yang sangat keras.
- (5) Imam Sibawaih: Orang yang terjerumus ke dalam kebinasaan, sedangkan lafaz *wayhun* (وَيْحٌ) ditujukan kepada orang yang hampir terjerumus ke dalam kebinasaan.
- (6) Al-Asma'i: Ungkapan penderitaan dan kesedihan.

- (7) Imam Khalil: *Wayl* (وَيْلٌ) ialah *wayh* (وَيْحٌ), *waysh* (وَيْشٌ), *wayh* (وَيْهٌ), *wayk* (وَيْكٌ), dan *wayb* (وَيْبٌ). Semua kalimah ini bagi sesetengah ulama adalah mempunyai makna yang berbeza.

Sesetengah ahli nahwu menyatakan, “Sesungguhnya lafaz *al-wayl* boleh dijadikan *al-ibtida'* (الابتداء), sedangkan ia sendiri adalah isim yang bersifat nakirah (نكرة). Hal ini kerana dalamnya terkandung makna doa. Ada juga antara ahli nahwu ada yang memperbolehkannya untuk dibaca secara nasab dengan makna *al-zamahum waylan* (الزَّمَهُمْ وَيْلًا), iaitu semoga kecelakaan tetap atas diri mereka; tetapi menurut Imam Ibn Kathir tidak ada seorang pun yang membacanya demikian secara nasab ini.

Ikrimah meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas RA, Sa'id, dan Sayyidina Qatadah sehubungan dengan tafsir firman Allah SWT yang bermaksud, “Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu” (Surah *al-Baqarah*, 2: 79) adalah merujuk kepada para rahib Yahudi. Namun terdapat juga pandangan lain daripada Ibn 'Abbas bahawa maksud ayat ini adalah merujuk kepada orang musyrik dan ahli kitab. Sedangkan al-Suddi pula pernah menyatakan bahawa dahulu segolongan orang Yahudi menulis sebuah kitab dalam kalangan mereka sendiri, lalu mereka menjualnya kepada orang Arab dan menceritakan kepada mereka bahawa kitab tersebut dari Allah SWT. Mereka mempertukarkannya dengan harga yang murah. Sebagai tambahan pula terdapat *athar* yang menjelaskan (Al-Bukhari, 2001: 2685):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: «يَا مَعْشَرَ الْمُسْلِمِينَ، كَيْفَ تَسْأَلُونَ أَهْلَ الْكِتَابِ، وَكُتَابِكُمْ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَدْتُ الْأَخْبَارَ بِاللَّهِ، تَفْرَعُونَهُ لَمْ يَشِبْ، وَقَدْ حَدَّثَكُمْ اللَّهُ أَنَّ أَهْلَ

الْكِتَابِ بَدَلُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ وَغَيَّرُوا بِأَيْدِيهِمُ الْكِتَابَ، فَقَالُوا:
هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا، أَفَلَا يَنْهَاكُمْ مَا
جَاءَكُمْ مِنَ الْعِلْمِ عَنْ مُسَاءَلَتِهِمْ، وَلَا وَاللَّهِ مَا رَأَيْنَا مِنْهُمْ
رَجُلًا قَطُّ يَسْأَلُكُمْ عَنِ الَّذِي أُنزِلَ عَلَيْكُمْ."

Maksud: Ibn 'Abbas yang pernah menyatakan, "Hai kaum Muslim, mengapa kamu bertanya kepada ahli kitab tentang sesuatu, sedangkan Kitab Allah yang diturunkan kepada Nabi SAW mengandung kisah dari Allah SWT. Kamu membacanya sebagai berita hangat yang tidak pernah akan hilang. Dalamnya Allah SWT menceritakan kepada kamu bahawa sesungguhnya kaum ahli kitab mengubah dan mengganti Kitab Allah yang ada pada mereka, lalu mereka menulis sebuah kitab dengan tangan mereka sendiri, kemudian mereka katakan, "Kitab ini datang dari Allah," dengan tujuan untuk menukarnya dengan harga yang sedikit. Bukankah ilmu yang sampai kepada kamu mencegah kamu untuk bertanya-tanya kepada mereka? Tidak, demi Allah, kita belum pernah melihat seseorang dalam kalangan mereka menanyakan kepada kamu tentang apa yang diturunkan kepada kamu.

(Al-Bukhari)

Hadis ini yang terdapat perkataan harga yang sedikit menurut al-Hasan al-Basri ialah dunia dan segala isinya.

Sebagai rumusan, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/313) berkata bahawa firman Allah SWT ini:

فَوَيْلٌ لَّهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَّهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ ﴿٧٩﴾

Maksud: *Dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu. (79)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 79)

Adalah membawa erti kecelakaan bagi mereka kerana apa yang mereka tulis dengan tangan mereka sendiri berupa kedustaan, kebohongan, serta kepalsuan. Kecelakaan bagi mereka kerana apa yang biasa mereka makan, iaitu riba. Pengertian ini seperti yang dikatakan oleh Ibn ‘Abbas RA ketika menghuraikan perkataan “Fawaylul lahum” (فَوَيْلٌ لَهُمْ) bahawa azab menimpa mereka yang menulis kedustaan tersebut dengan tangan mereka. *Wawayl lahum mimma yaksibun* (وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ), dan kecelakaan yang besarlah bagi mereka disebabkan apa yang mereka usahakan, iaitu apa yang biasa dimakan oleh orang yang rendah dan yang sama dengannya.

AL-BAQARAH (2: 80)

Selepas Allah SWT menceritakan keburukan ketua agamawan dan pengikut Yahudi, Allah SWT memetik kata-kata mereka pula yang sangat jauh daripada kebenaran tentang penyiksaan yang akan ditimpakan kepada pemeluk agama Yahudi selepas kedatangan Nabi Muhammad di alam akhirat. Allah SWT berfirman:

وَقَالُوا لَنْ نَمَسَّنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا مَّعْدُودَةً قُلْ
 أَتَّخَذْتُمْ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدًا فَلَنْ يُخْلَفَ اللَّهُ عَهْدَهُمْ أَمْ
 تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٠﴾

Maksud: *Dan mereka berkata, “Kami tidak sekali-kali akan disentuh oleh api neraka kecuali beberapa hari yang tertentu.” Katakanlah (wahai*

Muhammad), “Adakah kamu sudah mendapat janji dari Allah supaya (dengan itu) Allah tidak akan menyalahi janji-Nya, atau hanya kamu mengatakan atas nama Allah sesuatu yang tidak kamu mengetahuinya?” (80)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 80)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/313) menjelaskan bahawa melalui ayat ini Allah SWT menceritakan perihal orang Yahudi tentang apa yang mereka nukil dan dakwakan untuk diri mereka sendiri. Diri mereka tidak akan disentuh oleh api neraka kecuali hanya beberapa hari saja, sesudah itu mereka selamat. Namun, Allah SWT menyangkal pengakuan tersebut melalui firman-Nya:

قُلْ أَتَّخَذْتُمْ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدًا

Maksud: *Adakah kamu sudah mendapat janji dari Allah.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 80)

Petikan ayat ini menafikan kenyataan pengikut agama Yahudi tersebut. Apabila terjadi suatu perjanjian, pasti Allah SWT tidak akan mengingkari janji-Nya. Tetapi yang terjadi adalah sebaliknya dan apa yang mereka akui itu sama sekali tidak ada buktinya. Hal ini demikian kerana dalam ungkapan ayat dipakai kata *am* (أَمْ) yang bermakna *bal* (بَل), yang bererti ‘bahkan’, iaitu bahkan kamu hanya menyatakan terhadap Allah SWT apa yang tidak kamu ketahui. Dengan kata lain, kamu hanya menyatakan kedustaan dan kebohongan yang kamu buat-buat terhadap Allah SWT. Dalam hal ini, Ibn ‘Abbas berkata, bahawa orang Yahudi sering menyatakan, “*Sesungguhnya usia dunia ini tujuh ribu tahun. Setiap seribu tahun kami hanya satu hari mengalami azab dalam neraka. Bererti azab di neraka bagi kami hanyalah tujuh hari.*” Maka Allah SWT

menurunkan firman-Nya, Dan mereka berkata, *“Kami tidak sekali-kali akan disentuh oleh api neraka kecuali beberapa hari yang tertentu.”* Katakanlah (wahai Muhammad), *“Adakah kamu sudah mendapat janji dari Allah supaya (dengan itu) Allah tidak akan menyalahi janji-Nya, atau hanya kamu mengatakan atas nama Allah sesuatu yang tidak kamu mengetahuinya?”* (80) (Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar), sesungguhnya sesiapa yang berbuat kejahatan dan ia diliputi (ditenggelamkan) oleh kesalahannya itu, maka merekalah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. (81). (Surah *al-Baqarah*, 2: 81)

Terdapat juga satu riwayat yang lain daripada Ibn ‘Abbas tentang firman Allah SWT yang bermaksud, *“Kami tidak sekali-kali akan disentuh oleh api neraka kecuali beberapa hari yang tertentu”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 80), iaitu orang Yahudi menyatakan, *“Kami tidak disentuh oleh api neraka kecuali hanya selama empat puluh malam.”* Selain al-Awfi, Ibn ‘Abbas, dan Qatadah menambahkan bahawa masa tersebut adalah masa selama mereka menyembah anak lembu. Takwil lain daripada Ibn ‘Abbas tentang ayat ini bahawa beliau pernah berkata, *“Orang Yahudi menduga bahawa mereka menemukan dalam kitab Taurat dicatatkan jarak antara bahagian atas dan bahagian bawah neraka Jahanam sama dengan perjalanan selama empat puluh tahun, hingga sampai pada pohon Zaqqum yang terletak di dasar neraka. Musuh Allah SWT dalam kalangan orang Yahudi menyatakan bahawa mereka diazab hanya sampai pada pohon Zaqqum, sesudah itu neraka Jahanam tidak ada lagi dan hancur.”* Yang demikian itu adalah perkataan mereka yang dipetik oleh firman-Nya, *“Dan mereka berkata, ‘Kami tidak sekali-kali akan disentuh oleh api neraka kecuali beberapa hari yang tertentu’”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 80).

Satu hadis yang dikeluarkan oleh Imam Ibn Jarir (2001: 1406) dan Imam Ibn Abi Hatim (1998: 815):

عَنْ عِكْرَمَةَ فِي قَوْلِهِ: لَنْ تَمَسَّنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا مَعْدُودَةً
 قَالَ: خَاصَمَتِ الْيَهُودُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَقَالُوا: لَنْ نَدْخُلَ النَّارَ
 إِلَّا أَرْبَعِينَ لَيْلَةً وَسَيُخْلَفُنَا إِلَيْهَا قَوْمٌ آخَرُونَ. يَعْنُونَ مُحَمَّدًا
 ﷺ وَأَصْحَابَهُ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِيَدِهِ عَلَى رُؤُوسِهِمْ: بَلْ
 أَنْتُمْ فِيهَا خَالِدُونَ مُخَلَّدُونَ لَا يَخْلُفُكُمْ إِلَيْهَا أَحَدٌ فَأَنْزَلَ
 اللَّهُ: وَقَالُوا لَنْ تَمَسَّنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا مَعْدُودَةً.

Maksud: Sayyidina Ikrimah RA meriwayatkan bahawa orang Yahudi berdebat dengan Rasulullah SAW, lalu mereka berkata, “Kami tidak akan masuk neraka kecuali hanya selama empat puluh malam, sesudah itu kami digantikan oleh suatu kaum yang lain,” yang dimaksud oleh mereka ialah Nabi SAW dan sahabat-sahabatnya RA. Maka Rasulullah SAW berisyarat dengan tangannya di atas kepala mereka, iaitu yang mengandungi makna seakan-akan baginda bersabda, “Bahkan kamu kekal dalamnya, tiada seorang pun yang menggantikan kamu.” Lalu Allah SWT menurunkan firman-Nya bagi membenarkan kata-kata Nabi SAW, “Dan mereka berkata, “Kami sekali-kali tidak akan disentuh api neraka, kecuali selama beberapa hari saja.” (Surah al-Baqarah, 2: 80)

(Ibn Jarir dan Ibn Abi Hatim)

Hadis ini diperkukuhkan lagi dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari (2001: 3169):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: لَمَّا فُتِحَتْ خَيْبَرُ أُهْدِيَتْ لِلنَّبِيِّ ﷺ
 شَاةٌ فِيهَا سُمْ، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: «اجْمَعُوا إِلَيَّ مَنْ كَانَ هَا هُنَا

مِنْ يَهُودَ فَجَمِعُوا لَهُ، فَقَالَ: «إِنِّي سَأَلْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ، فَهَلْ
 أَنْتُمْ صَادِقِي عَنْهُ؟»، فَقَالُوا: «نَعَمْ»، قَالَ لَهُمُ النَّبِيُّ ﷺ: «مَنْ
 أَبُوكُمْ؟»، قَالُوا: «فُلَانٌ»، فَقَالَ: «كَذَبْتُمْ، بَلْ أَبُوكُمْ فُلَانٌ»،
 قَالُوا: صَدَقْتَ، قَالَ: «فَهَلْ أَنْتُمْ صَادِقِي عَنْ شَيْءٍ إِنْ سَأَلْتُ
 عَنْهُ؟»، فَقَالُوا: «نَعَمْ يَا أَبَا الْقَاسِمِ، وَإِنْ كَذَبْنَا عَرَفْتَ كَذِبَنَا
 كَمَا عَرَفْتَهُ فِي أَبِيْنَا»، فَقَالَ لَهُمْ: «مَنْ أَهْلُ النَّارِ؟»، قَالُوا:
 نَكُونُ فِيهَا يَسِيرًا، ثُمَّ تَخَلَّفُونَا فِيهَا»، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ:
 «اخْسَأُوا فِيهَا، وَاللَّهِ لَا نَخْلُفُكُمْ فِيهَا أَبَدًا»، ثُمَّ قَالَ: «هَلْ
 أَنْتُمْ صَادِقِي عَنْ شَيْءٍ إِنْ سَأَلْتُكُمْ عَنْهُ؟»، فَقَالُوا: نَعَمْ يَا
 أَبَا الْقَاسِمِ، قَالَ: «هَلْ جَعَلْتُمْ فِي هَذِهِ الشَّاةِ سُمَّ؟»، قَالُوا:
 نَعَمْ، قَالَ: «مَا حَمَلَكَمْ عَلَى ذَلِكَ؟»، قَالُوا: «أَرَدْنَا إِنْ كُنْتَ
 كَاذِبًا نَسْتَرِيحُ، وَإِنْ كُنْتَ نَبِيًّا لَمْ يَضُرَّكَ.»

Maksud: Abu Hurairah yang menceritakan: Ketika Khaibar berhasil
 dibuka (dikalahkan), dihadiahkan kepada Rasulullah SAW kambing
 yang diracuni, maka Rasulullah SAW bersabda, "Kumpulkanlah oleh
 kamu di hadapanku semua orang Yahudi yang ada di tempat ini."
 Lalu Rasulullah SAW bersabda kepada mereka, "Siapakah nama
 bapa kamu?" Mereka menjawab, "Si Anu." Nabi SAW bersabda,
 "Kamu dusta, bapak kamu adalah si Fulan." Mereka menjawab,
 "Engkau benar dan sesuai dengan kenyataan." Kemudian Rasulullah
 SAW bersabda kepada mereka, "Apakah kamu akan berkata sejujurnya

kepadaku jika aku tanyakan kepada kamu tentang sesuatu hal?” Mereka menjawab, “Ya, wahai Abu al-Qasim; dan jika kami dusta kepadamu, nescaya kamu akan mengetahui dusta kami sebagaimana kamu mengetahuinya pada nenek moyang kami.” Maka Rasulullah SAW bersabda kepada mereka, “Siapakah penghuni neraka itu?” Mereka menjawab, “Kami akan berada di dalamnya dalam masa yang sebentar, kemudian kamu menggantikan kami menjadi penghuninya.” Rasulullah SAW bersabda kepada mereka, “Hinalah kamu. Demi Allah, kami tidak akan menggantikan kamu di dalamnya untuk selama-lamanya.” Kemudian baginda SAW bersabda kepada mereka, “Apakah kamu akan berkata sejujurnya kepadaku jika kutanyakan kepada kamu tentang sesuatu hal?” Mereka menjawab, “Ya, wahai Abu al-Qasim.” Beliau bertanya, “Apakah kamu memasukkan racun ke dalam (daging) kambing ini?” Mereka menjawab, “Ya.” Nabi SAW bertanya, “Apakah yang mendorong kamu berbuat demikian?” Mereka menjawab, “Kami bermaksud jika engkau berdusta, maka kami terbebas darimu; dan jika engkau benar seorang nabi, nescaya racun itu tidak akan membahayakan dirimu.”

(Al-Bukhari)

Berdasarkan kedua-dua hadis ini dan ayat al-Quran yang menjadi perbincangan (surah *al-Baqarah*, 2: 80), terbukti apa yang diangankan oleh orang Yahudi bahawa mereka hanya dimasukkan ke dalam neraka hanyalah untuk sementara adalah tidak benar. Bahkan mereka dianggap kufur kerana tidak beriman kepada Nabi Muhammad SAW sebaik sahaja Nabi Muhammad SAW diutuskan sebagai rasul. Akibat daripada keenganan untuk beriman kepada baginda, maka mereka disiksa dalam neraka yang bersifat kekal untuk selama-lamanya. Apatah lagi mereka juga melakukan perbuatan yang terkutuk dengan menghilangkan bukti tentang kewajiban beriman kepada Nabi Muhammad SAW yang dibincangkan dalam kitab taurat agar umat manusia tidak mengetahui tentang Nabi Muhammad SAW tersebut.

AL-BAQARAH (2: 81-82)

Selain menafikan tentang kenyataan orang Yahudi bahawa mereka masuk neraka sementara, Allah SWT juga menjelaskan dengan tegas pesyaratan untuk terselamat daripada api neraka dan masuk syurga, iaitu dengan beriman kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW dan melakukan kebajikan seperti syariat yang dibawanya. Allah SWT berfirman:

بَلَىٰ مَن كَسَبَ سَيِّئَةً وَأَحَاطَتْ بِهِ خَطِيئَتُهُ فَأُولَٰئِكَ
 أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٨١﴾ وَالَّذِينَ آمَنُوا
 وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا
 خَالِدُونَ ﴿٨٢﴾

Maksud: *(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar), sesungguhnya sesiapa yang berbuat kejahatan dan ia diliputi (ditenggelamkan) oleh kesalahannya itu, maka merekalah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. (81) Dan orang yang beriman serta beramal soleh, merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya. (82)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 75-82)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/313) berkata, melalui ayat ini Allah SWT menyangkal bahawa perkara tentang masuk neraka sekejap bukanlah seperti apa yang orang Yahudi angan-angankan, tidak pula seperti yang mereka inginkan, melainkan perkara yang sesungguhnya ialah barang siapa yang berbuat dosa hingga dosa meliputi dirinya, maka dia menjadi penghuni neraka. Penghuni neraka ini ialah orang yang datang pada hari kiamat tanpa membawa suatu amal kebaikan

pun, bahkan semua amal perbuatannya hanyalah dosa belaka. Sebaliknya pula Allah SWT menambah dalam firman-Nya:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

Maksud: *Dan orang yang beriman serta beramal soleh*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 75-82)

Berdasarkan ayat jelas bahawa dengan beriman kepada Allah SWT dan rasul-Nya serta mengamalkan amal soleh yang sesuai dengan apa yang diperintahkan oleh syariat, maka mereka adalah penghuni syurga. Pengertian kedua ayat ini sama dengan makna yang terkandung dalam firman lainnya, iaitu:

لَيْسَ بِأَمَانِيكُمْ وَلَا أَمَانِي أَهْلِ الْكِتَابِ ^{١٤٣} مَنْ يَعْمَلْ
 سُوءًا يُجْزَ بِهِ، وَلَا يَجِدْ لَهُ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيًّا وَلَا
 نَصِيرًا ﴿١٤٣﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ
 أَنْتَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا
 يُظْلَمُونَ نَقِيرًا ﴿١٤٤﴾

Maksud: *(Balasan yang baik yang dijanjikan oleh Allah itu) tidak akan didapati hanya dengan angan-angan kamu semata-mata, dan tidak pula dengan angan-angan ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani). Sesiapa yang melakukan kejahatan, ia akan dibalas dengan kejahatan*

itu, dan ia pula tidak akan mendapat - selain dari Allah - seorang pun yang akan melindunginya, dan tidak ada juga yang dapat menolongnya. (123) Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun. (124)

(Surah *al-Nisa*, 4: 123-124)

Sayyidina Ibn ‘Abbas RA berkata bahawa firman Allah SWT yang bermaksud, “(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar), sesungguhnya sesiapa yang berbuat kejahatan.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 81). Ayat ini bermaksud melakukan amal seperti amal kamu dan kufur seperti kufur kamu, hingga kekufuran meliputi dirinya dan tiada suatu amal kebaikan pun yang ada pada dirinya. Pengertian *sayyi’ah* (سَيِّئَةٌ) dalam ayat ini ditafsirkan oleh para mufassir dalam kalangan sahabat dan tabi’in adalah seperti berikut:

- (1) Ibn ‘Abbas, Abu Wa-il, Abu al-‘Aliyah, Mujahid, Ikrimah, al-Hasan, Qatadah, dan al-Rabi‘ bin Anas: Kemusyrikan.
- (2) Al-Hasan dan al-Suddi menyatakan pula bahawa *al-Sayyi’ah* dalam ayat ini ialah suatu dosa besar.

Selain perkataan *sayyi’ah*, perkataan *khati’ah* dalam ayat juga diertikan dalam ulama tafsir dengan pelbagai makna, iaitu seperti berikut:

- (1) Mujahid: Dosanya. Imam Mujahid menambah bahawa yang dimaksudkan dengan dengan *bibi* (بِي) ialah *biqalbihi* (بِقَلْبِهِ), iaitu 'dan hatinya diliputi oleh dosanya.
- (2) Abu Hurairah, Abu Wa-il, ‘Ata’, dan al-Hasan: Kemusyrikan meliputi dirinya.

- (3) Al-Rabi' bin Khusaym, al-Suddi dan Abu Razin: merujuk kepada orang yang mati dengan membawa semua dosanya sebelum melakukan tobat.
- (4) Abu al-'Aliyah, Mujahid, al-Hasan, Qatadah serta al-Rabi' bin Anas: Dosa besar yang memastikan pelakunya masuk neraka.

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/315), semua pendapat yang disebutkan di atas mempunyai pengertian yang hampir sama. Hal ini sebagaimana juga termaktub dalam hadis yang menjelaskan perkara tersebut seperti berikut (Ahmad, 2001: 3818):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: "إِيَّاكُمْ
وَمُحَقَّرَاتِ الدُّنُوبِ، فَإِنَّهِنَّ يَجْتَمِعْنَ عَلَى الرَّجُلِ حَتَّى يُهْلِكَنَّهُ
" وَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ ضَرَبَ لَهُنَّ مَثَلًا: كَمَثَلِ قَوْمٍ نَزَلُوا أَرْضَ
فَلَاةٍ، فَحَضَرَ صَنِيعُ الْقَوْمِ، فَجَعَلَ الرَّجُلُ يَنْطَلِقُ، فَيَجِيءُ
بِالْعُودِ، وَالرَّجُلُ يَجِيءُ بِالْعُودِ، حَتَّى جَمَعُوا سَوَادًا، فَأَجَّجُوا
نَارًا، وَأَنْضَجُوا مَا قَدَّفُوا فِيهَا."

Maksud: *Abdullah bin Mas'ud RA yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: Hati-hatilah kamu terhadap dosa kecil, kerana sesungguhnya dosa kecil itu akan menumpuk pada seseorang, lalu membinasakannya. Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah membuat suatu perumpamaan kepada mereka sehubungan dengan dosa kecil ini, perihalnya sama dengan suatu kaum yang turun istirahat di suatu tempat yang lapang (padang pasir). Kemudian orang yang mengatur urusan kaum ini tiba, maka ia memerintahkan kepada seseorang untuk pergi mengambil kayu bakar, lalu orang itu datang dengan membawa kayu bakar. Si pemimpin memerintahkan lagi*

kepada yang lainnya untuk mendatangkan kayu bakar; demikian seterusnya hingga mereka berhasil mengumpulkan setumpukan besar kayu api, lalu mereka membakar kayu api itu hingga semua yang mereka lemparkan ke dalamnya menjadi hangus.

(Ahmad)

Akhir sekali, Ibn al-Kathir (1999: 1/315) menjelaskan tafsiran dalam firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan orang yang beriman serta beramal soleh, merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya” (Surah *al-Baqarah*, 2: 82) dengan memetik kata-kata Ibn ‘Abbas bahawa maksud ayat ini ialah “Barang siapa yang beriman kepada apa yang diingkari oleh orang Yahudi dan mengamalkan apa yang ditinggalkan dalam agama mereka, baginya pahala syurga yang dia kekal di dalamnya.” Allah SWT memberitakan kepada mereka bahawa pahala kebaikan dan keburukan akan tetap dipikul oleh pelakunya untuk selamanya, tiada terputus darinya.

PENGAJARAN AYAT

Terdapat beberapa pengajaran yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat, iaitu sifat golongan Yahudi terhadap ajaran taurat, agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad yang ummi, neraka al-Wayl dari segi definisi dan cirinya, dan peribadi Muslim terhadap kitab sebelum al-Quran.

SIFAT GOLONGAN YAHUDI TERHADAP AJARAN TAURAT

Umat Islam dan umat manusia diingatkan oleh Allah SWT tentang sifat dan keadaan kaum Bani Israil yang beragama Yahudi ini yang terbahagi kepada tiga jenis:

- (1) Golongan agamawan atau ketua agama (surah *al-Baqarah*, 2: 44):
 - (a) Bukan sahaja sudah memahami kitab taurat dengan jelas, tetapi juga sudah mendengar kalam Allah SWT ketika Allah SWT berbicara dengan Nabi Musa di Bukit Tursina.
 - (b) Golongan ini juga yang mengubah kalam Allah SWT dalam Kitab Taurat sekalipun mengetahui perbuatan tersebut adalah salah dan berdosa (surah *al-Baqarah*, 2: 75; surah *al-Ma'idah*, 5: 13; Ibn al-Kathir, 1999: 1/307). Kalam Allah SWT yang sudah diubah tersebut dikatakan datang daripada-Nya (Surah *al-Baqarah*, 2: 79).
 - (c) Tujuan mereka memberi tahu hukum hakam yang bertentangan dengan kitab taurat kepada orang ramai dengan senghaja adalah kerana sikap mereka sendiri yang menentang Allah SWT dan untuk mendapat keuntungan dunia melalui pemberian

orang ramai yang merasuah mereka (surah *al-Baqarah*, 2: 44; surah *al-Baqarah*, 2: 79).

- (d) Sangat meyakini kebenaran Nabi Muhammad SAW dan kemenangannya terhadap bangsa Yahudi, namun tetap enggan beriman (Surah *al-Baqarah*, 2: 76).
 - (e) Selain itu, mereka juga memadam nama Nabi Muhammad SAW yang mereka sendiri menunggu dan mengguna namanya ketika mereka bermusuh dengan orang Arab (Surah *al-Baqarah*, 2: 76; Ibn Jarir 2001: 1386).
 - (f) Sangat mengetahui bahawa Allah SWT mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka tunjukan dan beritahu kepada orang ramai khususnya kebenaran yang disembunyikan dan kebatilan yang disebarkan (surah *al-Baqarah*, 2: 77).
 - (g) Sangat mengetahui siksaan yang menunggu mereka di alam akhirat dalam neraka yang digelar *al-Wayl* kerana dosa mengubah isi taurat. Neraka ini ditujukan kepada ulama yang mengubah taurat ini (Ibn Jarir, 2001: 1386; Al-Tirmidhi, 1998: 3164, 2576).
- (2) Golongan yang Jahil dalam Agama dan Kitab Taurat:
- (a) Suka berangan-angan, memberi tanggapan dan sangkaan, serta bercakap tentang Kitab Taurat tanpa ilmu (Ibn Jarir, 2001: 2/155). Kebanyakan mereka juga adalah golongan yang buta huruf, iaitu tidak tahu membaca dan menulis (surah *al-Baqarah*, 2: 78).
 - (b) Mendapat pengetahuan yang salah daripada agamawan Yahudi, namun mereka sangat percaya kepada agamawan ini (surah *al-Baqarah*, 2: 78). Oleh kerana nama Nabi Muhammad sudah dipadam oleh agamawan, hal ini menyebabkan golongan jahil ini tidak mengetahui sama sekali tentang Nabi Muhammad, tidak mahu beriman kepada-nya dan apa yang dibawanya (Ibn Jarir, 2001: 2/153; Ibn al-Kathir, 1999: 1/310).

- (c) Sebagai contoh dalam kalangan orang Yahudi percaya dengan kata-kata agamawan mereka bahawa Allah SWT hanya akan menyiksa mereka selama 40 hari sahaja dalam neraka disebabkan dengan segala kejahatan dan keingkaran yang dilakukan oleh mereka. Agamawan ini menambah kebohongan mereka dengan mengatakan selepas mereka disiksa beberapa hari tempat mereka digantikan pula oleh Rasulullah SAW dan sahabat Nabi SAW. Namun, Nabi SAW menegaskan bahawa golongan Yahudi yang tidak mahu beriman kepada Allah SWT dan kepada agama yang dibawanya dalam kalangan Yahudi ini akan kekal di dalam neraka Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 80; Ibn Jarir, 2001: 1406; Ibn Abi Hatim, 1998: 815; Al-Bukhari, 2001: 3169).
- (3) Golongan yang pada asalnya beriman kemudian menjadi munafik:
- (a) Bertujuan untuk menyesatkan umat Islam daripada jalan keimanan dan Islam (Surah *Ali 'Imran*, 3: 72).
 - (b) Golongan ini cuba mendapat maklumat tentang Islam untuk disalurkan kepada golongan Yahudi dengan tujuan untuk mencari titik kelemahan umat Islam (Surah *al-Baqarah*, 2: 76).

Ayat perbincangan memberikan pengetahuan dan peringatan kepada umat Islam terhadap sifat orang Yahudi terhadap Islam bahawa mereka tidak akan sama sekali menerima Islam kerana sifat mereka yang tetap tidak beriman walaupun sudah ditunjukkan dengan pelbagai mukjizat sewaktu era Nabi Musa AS. Hal ini disebabkan hati mereka yang sudah menjadi keras seperti batu. Perkara terbukti apabila sebelum era kedatangan Nabi Muhammad SAW sendiri bahawa mereka sudah banyak mengubah dan menakwil dengan cara yang salah ajaran taurat serta memadam dan menghilangkan nama baginda dalamnya (surah *al-Baqarah*, 2: 75; Ibn al-Kathir, 1999: 1/307; surah *al-Ma'idah*, 5: 13).

Selain itu, Allah SWT menegaskan bahawa setiap orang Yahudi yang tidak mahu beriman kepada Nabi Muhammad SAW sejak baginda diutuskan, dan tidak mahu bertaubat terhadap kejayaan mereka

khususnya dalam mengubah isi Kitab Taurat, maka mereka akan duduk dalam neraka selama-lamanya. Sebaliknya pula orang yang beriman kepada Allah SWT dan kepada Baginda Rasulullah SAW dan apa yang dibawanya dalam bentuk syariat dan mengamalkannya dengan sebaik-baiknya mereka akan masuk syurga selama-lamanya (Surah *al-Baqarah*, 2: 75-82).

ISLAM DIBAWA OLEH NABI YANG UMMI

Umat Islam wajar mengambil pengajaran daripada sifat ummi Nabi Muhammad SAW yang memberi kesan positif kepada ajaran yang dibawa olehnya dari segi:

- (1) Hujah tanpa ragu tentang al-Quran daripada Allah SWT dan bukan daripada karangan Nabi Muhammad SAW (surah *al-Ankabut*, 29: 48).
- (2) Syariat Nabi Muhammad SAW dimudahkan kepada para umatnya sehingga agama ini mudah diamalkan oleh umat Islam yang tidak tahu membaca dan menulis (Al-Bukhari, 2001: 1913; Muslim, t.th.: 1080). Hal ini kerana ajaran yang dibawa oleh baginda banyak yang berbentuk amalan berbanding pembacaan (surah *al-Jumu'ah*, 62: 2).
- (3) Islam merupakan agama yang mempunyai tujuan yang jelas. Bukan bersifat cakap kosong, bersifat angan-angan, dan menjaga adab dengan sempurna (Ibn Majah, 2009: 311).

Jelas perbezaan antara sifat ummi Rasulullah SAW dengan sifat ummi pengikut Yahudi. Sifat ummi Rasulullah SAW bahkan memberi rahmat kepada pengikut baginda sehinggakan kebanyakan syariat yang wajib adalah dalam bentuk perbuatan sahaja yang tidak memerlukan seseorang untuk sampai wajib membaca dan menulis untuk mengamalkan agama. Dengan ini, agama Islam lebih terbuka untuk dianuti oleh umat manusia sama ada yang ummi dan yang mempunyai pendidikan yang tinggi, yang miskin atau yang kaya.

NERAKA AL-WAYL, DEFINISI DAN CIRINYA

Umat manusia dan umat Islam perlu mengetahui, memahami neraka al-Wayl, defeni, dan cirinya agar dapat menimbulkan rasa gentar terhadap neraka ini. Asal perkataan al-Wayl dari segi bahasa ialah kebinasaan dan kehancuran (Ibn al-Kathir, 1999: 1/311). Sedangkan al-Wayl pada istilah ialah:

- (1) Satu lembah dalam neraka yang kedalamannya sejauh 40 tahun untuk jejak di dasarnya. Dalam neraka ini pula terdapat bukit yang digunakan oleh ahli neraka untuk memanjatnya. Untuk sampai ke kemuncaknya memerlukan 70 tahun sebelum mereka jatuh kembali. Mereka mengulanginya untuk memanjat dan jatuh kembali untuk selama-lamanya (Al-Tirmidhi, 1998: 3164, 2576).
- (2) Dikhususkan kepada kaum Yahudi yang jahat yang mengubah kitab taurat (Surah *al-Baqarah*, 2: 79).

Ternyata Allah SWT menggunakan perkataan al-Wayl bagi mengecam orang Yahudi dan dalam masa yang sama merujuk kepada tempat mereka disiksa di dalam neraka.

PERIBADI MUSLIM TERHADAP KITAB SEBELUM AL-QURAN

Umat Islam perlu berperibadian yang jelas dalam rangka mereka mendengar dan mendapat informasi daripada kitab sebelum al-Quran dari segi (Al-Bukhari, 2001: 2685):

- (1) Perlu percaya dan beriman dengan kitab yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia (surah *al-Baqarah*, 2: 82).

- (2) Mengutamakan al-Quran dan ilmunya dan menjadikan sebagai teras kepercayaan terhadap cerita yang berbentuk pengkhabaran yang ghaib (Al-Bukhari, 2001: 2685).
- (3) Mengelakkan diri daripada mendapatkan maklumat daripada kitab sebelum al-Quran kerana umat Islam tidak mengetahui mana maklumat yang benar dan yang tidak benar daripada sumber tersebut sedang sudah jelas diberitahu oleh al-Quran tentang perlakuan agawan Yahudi yang menukar isi taurat dengan sesuatu sumber yang tidak benar (Surah *al-Baqarah*, 2: 75-77; Al-Bukhari, 2001: 2685).

Berdasarkan kenyataan ini, jelas Islam merupakan agama yang mempunyai keimanan kepada semua kitab sebelum al-Quran. Namun, rujukan kepada ajaran Islam hanya perlu diambil daripada kitab al-Quran dan bukan daripada kitab sebelumnya. Hal ini kerana, terbukti al-Quran sendiri sudah menjelaskan bahawa kitab sebelum al-Quran sudah diubah oleh agamawan Yahudi sehingga tidak lagi diketahui oleh manusia bahagian mana yang benar-benar datang daripada Allah SWT dan bahagian mana yang datang daripada tulisan manusia.

RUMUSAN

Buku ini sudah membicarakan empat bahagian potongan ayat yang dikupas tafsirannya secara mendalam. Hasil perbincangan boleh disimpulkan kepada empat perkara penting, iaitu berkaitan dengan sifat golongan Yahudi, ciri agama Islam, neraka Wayl, dan peribadi seorang Muslim.

RUJUKAN

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamih* – *Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah

- Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 17 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Jld. 14. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Jld. 13. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

INDEKS

- Ahmad*, 23, 35, 36, 44
al-'Ankabut, 17, 40
al-Baqarah, i, ii, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 13, 14, 15, 16, 18, 19, 20, 21, 23, 24, 26, 27, 28, 29, 31, 32, 33, 34, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 45
Al-Bukhari, 17, 18, 24, 25, 29, 31, 39, 40, 41, 42, 44
Ali 'Imran, 12, 39
Allah SWT, v, vi, 1, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 32, 33, 34, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42
al-Ma'idah, 6, 37, 39
al-Nisa, 34
al-Tawbah, 8
Al-Tirmidhi, 21, 22, 38, 41, 44
Arab, 10, 14, 18, 21, 24, 38
Bani Israil, i, 1, 6, 7, 37, 45
Ibn Abi Hatim, 28, 29, 39, 44
Ibn Jarir, 11, 12, 18, 19, 22, 23, 28, 29, 38, 39, 44
Ibn Majah, 20, 40, 44
Islam, 48
Kalam Allah, 2, 5, 6, 7, 9, 16, 21, 37
Muslim, iii, 12, 17, 18, 25, 37, 40, 41, 43, 45, 48
Nabi Muhammad SAW, 2, 4, 8, 11, 13, 14, 15, 18, 23, 31, 32, 38, 39, 40
Rasul, 7, 12, 18
Rasulullah, v, 2, 5, 10, 11, 12, 17, 20, 22, 23, 29, 30, 35, 39, 40, 44
Taurat, i, iii, 2, 5, 6, 7, 9, 10, 13, 16, 19, 20, 21, 23, 28, 37, 38, 40, 45
ummi, 17, 18, 20, 37, 40
Ummiyyin, 18
Yahudi, iii, 2, 4, 5, 6, 8, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 18, 19, 21, 23, 24, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43

BIODATA

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran
Siri 14

Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat Surah al-Baqarah (2: 75-82)

Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat Surah al-Baqarah (2: 75-82), Siri 14 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Allah SWT membongkar kejahatan agamawan Yahudi yang mengubah kitab Taurat untuk mendapat sedikit keuntungan dunia. Kejahatan mereka ini menyebabkan kemurkaan Allah SWT kepada mereka dan mereka dan umat mereka yang enggan beriman kepada Nabi Muhammad SAW dijanjikan dengan pembalasan neraka al-Wayl yang bersifat kekal abadi. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 75-82) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat pengajaran penting daripada perbincangan tafsiran ayat, iaitu sifat golongan Yahudi terhadap ajaran Taurat, Islam yang Dibawa oleh Nabi Muhammad SAW yang ummi, Neraka al-Wayl daripada segi definisi dan cirinya, dan peribadi Muslim terhadap kitab sebelum al-Quran.



ISBN 978-967-2171-82-9

